

D.R. 11/98

Naskhah Sahih—**Bahasa Kebangsaan**

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998. Tajuk ringkas.
2. Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Mula berkuat kuasa. Warta.*
3. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29 seksyen yang berikut: Seksyen baru 29A, 29s dan 29c.
Akta 127.
Larangan atas pembakaran terbuka. 29A. (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

(3) Bagi maksud subseksyen (1)—

"pembakaran terbuka" ertinya apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan yang tidak dihalakan ke udara bebas itu melalui serombong atau cerobong, tetapi tidak termasuk apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"premis" termasuklah mana-mana tanah.

Pemunya
atau
penduduk
premis
bertanggung-
jawab bagi
pembakaran
terbuka.

29s. Jika pembakaran terbuka berlaku di mana-mana premis—

- (a) pemunya; atau
- (b) penduduk,

premis itu yang mempunyai kawalan atas premis itu adalah disifatkan telah melanggar subseksyen 29A(1) melainkan jika dibuktikan selainnya.

Pembelaan.

29c. Dalam apa-apa pendakwaan di bawah seksyen 29A atau 29B, adalah menjadi pembelaan jika orang, pemunya atau penduduk premis itu membuktikan—

- (a) bahawa pembakaran terbuka itu berlaku di luar kawalannya atau tanpa pengetahuan atau pemberian atau persetujuannya; atau

(b) bahawa dia—

(i) mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah; atau

(ii) menjalankan segala usaha yang wajar,

untuk mencegah pelakuan kesalahan yang sepatutnya diambil dan dilaksanakan olehnya dengan mengambil kira jenis tanggungjawabnya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.'

4. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 44 dengan seksyen yang berikut:

"Pendakwaan. 44. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.". Pindaan
seksyen 44.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ("Akta").

2. *Fasal 1* dan *2* masing-masingnya bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan tarikh mula berkuat kuasa Akta pindaan.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan tiga seksyen baru ke dalam Akta, iaitu seksyen *29A*, *29B* dan *29c*.

Seksyen *29A* yang dicadangkan menyatakan larangan atas pembakaran terbuka. Penalti berat yang dikenakan bagi kesalahan pembakaran terbuka adalah demi kepentingan awam dan dimaksudkan untuk mencegah dan menghukum secukupnya kerana pembakaran terbuka dianggap sebagai berbahaya kepada kualiti udara dan kesihatan.

Seksyen 29B yang dicadangkan mengadakan peruntukan bahawa jika pembakaran terbuka berlaku di mana-mana premis pemunya atau penduduk premis yang mempunyai kawalan atas premis itu adalah dianggap sebagai telah melakukan kesalahan pembakaran terbuka melainkan jika selainnya dibuktikan.

Seksyen 29c yang dicadangkan membolehkan orang, pemunya atau penduduk premis di mana pembakaran terbuka berlaku pembelaan atas sebab kurang kawalan, atau tiada pengetahuan atau pembiaran atau persetujuan atas perkara itu. Maka adalah juga suatu pembelaan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah atau menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

4. *Fasal 4* bertujuan menggantikan seksyen 44 yang sedia ada dengan peruntukan baru untuk menyatakan kehendak bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan di bawah Akta atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya. Pindaan yang dicadangkan ini adalah perlu disebabkan keputusan mahkamah dalam kes *Repco Holdings Berhad v. Pendakwa Raya* yang diberikan pada 2 Oktober 1997. Pindaan ini akan menyelaraskan Akta dengan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U2)2084.]